



KEMENTERIAN SUMBER ASLI  
DAN KELESTARIAN ALAM

## KENYATAAN MEDIA

### OPS HAZARD: JAS KOMPAUN 214 PREMIS PERKUKUH PENGUATKUASAAN BUANGAN TERJADUAL

---

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua rakan-rakan media yang bertungkus-lumus selama ini dan memberikan kerjasama serta liputan terbaik bagi siri operasi khas Ops Hazard 1 hingga 3.

Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) melalui Jabatan Alam Sekitar (JAS) merupakan Jabatan yang bertanggungjawab ke atas jenayah alam sekitar di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. Sehingga Ops Hazard 3.0 yang tamat pada 8 April 2026, JAS telah mengeluarkan sebanyak **214 kompaun** ke atas premis yang melakukan jenayah alam sekitar bagi Ops **Hazard 1.0, 2.0, dan 3.0**.

Operasi bersepadu yang dijalankan secara berfasa di seluruh negara ini menasaskan pematuhan industri terhadap pengurusan buangan terjadual (*scheduled wastes*) bagi mengelakkan risiko pencemaran alam yang boleh menjejaskan kesihatan awam dan ekosistem.

Menerusi **Ops Hazard 1.0** yang memberi fokus kepada **pengesanan punca haram** berjaya membongkar stor simpanan haram sisa e-waste di kawasan industri terpencil dan mengenalpasti rantai pelupusan tanpa permit. Sebanyak 35 kompaun dikeluarkan dengan nilai RM34,000 melibatkan pelbagai kesalahan di bawah Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. Nilai sabitan di bawah akta ini sebanyak RM193,000.

Bagi, **Ops Hazard 2.0 diteruskan** bagi mengekang pemprosesan buangan terjadual khususnya e-waste secara haram. Hasilnya, sebanyak **69 premis diperiksa dengan 42 kertas siasatan dibuka** di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. Daripada jumlah itu sebanyak 78 kompaun dikeluarkan dengan nilai RM150,000. Kejayaan ini menunjukkan bahawa JAS bukan sahaja mengejar pelupusan haram di luar tetapi juga memastikan disiplin di dalam kilang diperketatkan.

Menerusi **Ops Hazard 3.0** pula, kira-kira **4,714 MT** e-waste bernilai lebih **RM23.79 juta** dirampas menerusi Ops Hazard 3.0 yang dijalankan serentak di beberapa negeri bagi membanteras aktiviti pemprosesan e-waste haram secara besar-besaran. Serbuan membabitkan 104 kilang di 11 negeri di seluruh Malaysia JAS mengeluarkan 101 kompaun dengan nilai **RM202,000**. Kejayaan Ops Hazard 3.0 membuktikan ketelusan Kementerian dalam menjaga kedaulatan alam sekitar.

Kehadiran JAS dalam Ops Hazard memainkan peranan yang sangat penting, terutamanya dalam memperkukuhkan bukti teknikal bagi proses perundangan. Sebagai agensi yang bertanggungjawab menyediakan kertas siasatan teknikal, kepakaran JAS memastikan setiap kes pencemaran dapat dinilai dengan adil dan tepat. Langkah ini selaras dengan pindaan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Akta

127) yang telah diwartakan, di mana hukuman yang lebih tegas termasuk denda sehingga RM10 juta atau hukuman penjara yang diperuntukkan bagi melindungi kelestarian alam sekitar kita dengan lebih berkesan.

Siri Ops Hazard 1.0 hingga 3.0 bukan sekadar operasi rutin tetapi mesej amaran kepada semua pihak. Dengan pindaan Akta 127, kita kini mempunyai kuasa perundangan yang lebih mantap.

NRES komited memastikan Malaysia bebas daripada menjadi tempat pelupusan sisa, selain memastikan setiap sisa domestik diuruskan dengan penuh tanggungjawab. JAS akan memperhebatkan operasi penguatkuasaan bagi memastikan tiada ruang buat dalang aktiviti haram alam sekitar mencerooboh kedaulatan negara.

**DATO' SRI ARTHUR JOSEPH KURUP**  
**MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM**  
**10 APRIL 2026**

